



Pengaruh Media Sosial dalam Pilihanraya Umum di Malaysia: Kajian Kes Belia Luar Bandar dalam PRU 13 di DUN Kampung Gajah, Perak

AZMI ABDUL MALEK¹, MOHD. AINUDDIN ISKANDAR LEE ABDULLAH¹, ABDUL RAHMAN ABDUL AZIZ¹, MOHD. RAZALI AGUS¹

¹Pusat Pengajian Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah

Correspondence: Azmi Abdul Malek (email: azmi555448@gmail.com)

Abstrak

Tidaklah berlebihan jika dikatakan bahawa hari ini faktor pengaruh media sosial memang tidak dapat disisihkan dalam sebarang analisis pilihanraya politik. Di Malaysia, keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi Barisan Nasional (BN) apabila parti ini hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi dalam PRU ke-12. Adakah ini disebabkan oleh pengaruh media social? Kajian ini mengenal pasti dan menilai sejauhmanakah pengaruh media sosial (MS) seperti Facebook, Twitter, Sistem Pesanan Ringkas (SMS) dan YouTube mempengaruhi golongan muda luar bandar dalam menentukan pola pengundian di kawasan kajian di DUN Kampung Gajah yang terletak di dalam Parlimen Pasir Salak, Perak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan cara temubual secara mendalam dengan 20 orang responden belia berumur 25 hingga 40 tahun serta 20 responden berumur 40 tahun untuk tujuan perbandingan. Hasil kajian mendapati bahawa meskipun media sosial memberi kesan kepada pola pemilihan dalam kalangan pengundi muda luarbandar namun pengaruhnya tidaklah begitu signifikan berikutan terdapat aspek lain yang mempengaruhi pola tersebut termasuk aspek kualiti calon dan kekuatan jentera parti.

Katakunci: pilihanraya, media sosial, belia, luar bandar

The Influence of Social Media in Malaysia's General Elections: A Case Study of Rural Youths in the 13th GE of Kampung Gajah State Assembly, Perak

Abstract

It is no exaggeration to say that today the influence of social media cannot be excluded in any contemporary analyses of political elections. In the Malaysian 13th General Election (GE) results of the election for parliamentary seats revealed a decrease of 133 seats (60 percent) in the total number of seats won by the Barisan Nasional (BN) from the 140 seats the party garnered in the 12th GE. Could this be due to the influence of social media? This study identified and evaluated the extent to which social media such as Facebook, Twitter, Short Message Service (SMS) and YouTube did or did not influence rural youths in determining their voting patterns in the state legislative assembly area of Kampung Gajah in Perak's parliament area of Pasir Salak. Primary data were gathered qualitatively through in-depth interviews of 40 respondents; 20 of whom were youths aged 25 to 40 and 20 more aged 40 selected for comparative purposes. The findings pointed to the fact that while social media did affect the voting patterns of rural youth voters the degree of influence was not very significant due to the interplay of other influencing factors such as candidates' qualities and the strength of party machinery.

Keywords: election, social media, youth, rural area

Pengenalan

Pilihan Raya Umum Malaysia ke-13 pada tahun 2013 merupakan pilihan raya yang paling sengit dalam siri pilihanraya kerana buat pertama kalinya dilihat parti pembangkang mempunyai peluang yang seimbang untuk memenangi kerusi-kerusi yang dipertandingkan. Keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi Barisan Nasional (BN) apabila hanya memenangi 133 kerusi berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008 sekaligus menggagalkannya mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008 (Junaidi Awang Besar, 2017). Undi popular pula dikuasai Pakatan Rakyat apabila memperolehi 51 peratus berbanding BN hanya memperolehi 47 peratus. Keputusan sedemikian menunjukkan sistem demokrasi masih dipraktikkan di negara ini. Walau bagaimanapun BN masih meneruskan tampuk pemerintahan negara.

Paling menarik dalam hal ini ialah kebanyakan kerusi di kawasan bandar dimenangi calon parti pembangkang terutama di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, manakala kawasan luar bandar terus dikuasai BN terutama kerusi yang ditandingi calon Umno (Besar, Fauzi, Ghazali, Abdullah, Ali dan Mohd Yusof, 2014).

Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menganalisis kekalahan BN mengakui bahawa parti pimpinannya dalam pilihanraya 2008 terlepas pandang terhadap penggunaan media atas talian atau lebih dikenali sebagai media baru sehingga menyebabkan beberapa kerusi mengalami kekalahan (New Straits Times (2008) dalam Mohd Azizuddin, 2014). Menyedari hakikat itu BN turut memfokuskan penggunaan media sosial dalam pilihanraya ke 13 (PRU13) pada tahun 2013 selain memperkukuhkan terhadap penggunaan media konvensional seperti akhbar, televisyen dan radio. BN berjaya menawan semula kerusi di beberapa kawasan tertentu di bandar dan merampas semula dua DUN iaitu Kedah dan Perak. Walaupun saingan sengit diberikan oleh parti pembangkang, namun penguasaan kerusi parlimen masih memihak kepada parti BN iaitu 133 kerusi parlimen berbanding 140 pada tahun 2008.

Jadual 1. Malaysia, PRU ke-13, 2013, kerusi dimenangi BN dan parti-parti komponen PR, Parlimen

	Negeri atau Wilayah Persekutuan (WP)	BN	PR				Jumlah Malaysia
			DAP	PKR	PAS	Jumlah	
1	Perlis	3	0	0	0	0	3
2	Kedah	10	0	4	1	5	15
3	Kelantan	5	0	0	9	9	14
4	Terengganu	4	0	0	4	4	8
5	Pulau Pinang	3	7	3	0	10	13
6	Perak	12	7	3	2	12	24
7	Pahang	10	1	2	1	4	14
8	Selangor	5	4	9	4	17	22
9	Kuala Lumpur (WP)	2	5	4	0	9	11
10	Putrajaya (WP)	1	0	0	0	0	1
11	Negeri Sembilan	5	2	1	0	3	8
12	Melaka	4	1	1	0	2	6
13	Johor	21	4	1	0	5	26
	Semenanjung Malaysia	85	31	28	21	80	165
14	Sabah	22	2	1	0	3	25
15	Labuan (WP)	1	0	0	0	0	1
16	Sarawak	25	5	1	0	6	31
	Sabah, Labuan and Sarawak	48	7	2	0	9	57
	Jumlah	133	38	30	21	89	222

Sumber: Khoo Boo Teik (2013)

Jadual 2. Malaysia, PRU ke-13, 2013, pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri antara BN dan PR

	Negeri	BN	PR				Jumlah Malaysia
			DAP	PAS	PKR	Jumlah*	
1	Perlis	13		1	1	2	15
2	Kedah	21	2	9	4	15	36
3	Kelantan	12		32	1	33	45
4	Terengganu	17		14	1	15	32
5	Pulau Pinang	10	19	1	10	20	40
6	Perak	31	18	5	5	28	59
7	Pahang	30	7	3	2	12	42
8	Selangor	12	15	15	14	44	56
9	Negeri Sembilan	22	11		3	14	36
10	Melaka	21	6	1		7	28
11	Johor	38	13	4	1	18	56
	Semenanjung Malaysia	227	91	85	42	218	445
12	Sabah	48	4	0	7	12*	60
	Jumlah	275	95	85	49	230	505*

* termasuk satu kerusi dimenangi oleh sekutu PR kecil hanya bertanding di Sabah

Sumber: Khoo Boo Teik (2013)

Objektif Kajian

Media sosial memainkan peranan penting dalam usaha parti pembangkang mempengaruhi pengundi bandar dalam PRU12 dan PRU13 terutama dalam golongan pengundi muda atau pengundi baru. Dalam kedua-dua pilihanraya itu boleh dikatakan kerusi di kawasan bandar dikuasai pihak pembangkang kerana kejayaan mereka menguasai media sosial semasa kempen pilihanraya berjalan. Sesetengah kerusi yang dimenangi BN sebelumnya juga kalah di tangan pembangkang dalam pilihanraya sama. Persoalannya, adakah peranan MS turut menyumbang kepada kemenangan kerusi BN dan pembangkang di kawasan luar bandar? Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmanakah peranan MS mempengaruhi pola undi pengundi luar bandar. Objektif kajian adalah menilai sejauhmanakah pengaruh media sosial memberi kesan kepada pola pengundi luar bandar terutama di kawasan DUN Kampung Gajah, Perak.

Skop Kajian

Daerah Kecil Kampung Gajah (DKKG) Perak yang dipilih sebagai lokasi kajian terletak dalam Daerah Perak Tengah, Seri Iskandar, Bota, Perak. Ia terletak kira-kira 25 kilometer dari Bandar TelukIntan, kira-kira 37.6 kilometer dari Bandar Seri Iskandar dan 75 kilometer dari Ipoh. Dari segi pentadbiran awam, Kampung Gajah yang diketuai

seorang Ketua Penolong Pegawai Daerah terletak di bawah pentadbiran Daerah Perak Tengah. Daerah ini diketuai pula seorang Pegawai Daerah yang dilantik kerajaan negeri. Sejak pilihanraya umum diadakan pada 1959, kerusi DUN Kampung Gajah dikuasai parti BN tanpa kalah sehingga kini. Sungguhpun BN menang dalam tempoh itu tetapi ia hampir kalah kepada parti pembangkang yang didominasi parti Pas apabila memperolehi undi majoriti sebanyak 1,023 pada PRU10 dan 1,416 pada PRU12. Namun begitu undi majoriti meningkat semula kepada 6,100 pada PRU13. Sehubungan itu satu kajian perlu dilakukan di DUN Kampung Gajah untuk melihat sama ada peranan media sosial memainkan peranan dan menyumbang ke arah pencapaian itu atau sebaliknya di samping mencari faktor lain yang dianggap sebagai penyumbang terbesar.



Peta 1. Kawasan DUN Kampung Gajah

Kebanyakan kerusi yang dimenangi parti pembangkang di kawasan bandar dikatakan disebabkan pengaruh media sosial. Persoalannya adakah unsur dan ciri-ciri sama juga terjadi di kawasan DUN Kampung Gajah yang juga terletak di kawasan luar bandar atau sebaliknya. Kedudukan DUN Kampung Gajah yang terletak di kawasan luar bandar dan mempunyai 43.3 peratus pengundi muda berumur bawah 40 tahun sebagaimana yang dilaporkan Ketua Pemuda Umno Bahagian Pasir Salak, Dr Faizal Tajuddin ketika ditemubual menarik perhatian pengkaji. Tambahan pula lebih 80 peratus pengundi muda di kawasan ini menggunakan telefon bimbit dan sebahagian besarnya mempunyai aplikasi MS seperti SMS, Facebook dan YouTube.

Penggunaan MS belia luar dalam PRU13 adalah didapati sesuai dalam kajian yang dicadangkan. Melalui kajian ini juga boleh diketahui adakah golongan belia luar bandar juga aktif menggunakan MS dalam pembabitan mereka dalam politik dan PRU13

sebagaimana yang berlaku di bandar, terutama di DUN Kampung Gajah. Kajian ini boleh mengetahui apakah bentuk media baru yang paling popular digunakan dan dapat dilihat adakah penggunaan media konvensional masih mendapat sambutan dalam kalangan belia di luar bandar. Dalam kajian ini dapat diketahui sejauhmana penggunaan MS boleh memberi impak kepada jumlah undi calon bertanding dalam pilihanraya 2013 di kawasan luar bandar berbanding kawasan bandar, termasuk di DUN Kampung Gajah. Walaupun beberapa kerusi DUN Perak kalah kepada pembangkang pada PRU12 dan PRU13, namun kerusi DUN Kampung Gajah masih dapat dipertahan dan dikekalkan. Pada PRU12 kerusi DUN Kampung Gajah dimenangi parti BN dengan memperoleh undi majoriti sebanyak 1,416 dan meningkat kepada 6,100 (PRU13). Persoalannya, adakah kejayaan BN memenangi kerusi berkenaan di DUN Kampung Gajah ada kaitan dengan penggunaan dan sumbangan MS? Sehubungan itu satu kajian perlu dilakukan di kawasan berkenaan untuk mengetahui jawapan sebenar terhadap persoalan itu. Kedudukan kerusi DUN Kampung Gajah yang terletak di kawasan luar bandar dan mempunyai 43.3 peratus pengundi muda berumur bawah 40 tahun dan 80 peratus daripadanya menggunakan telefon bimbit yang mempunyai aplikasi MS seperti SMS, Facebook dan YouTube. Oleh itu, mereka adalah kumpulan sasaran kepada parti-parti politik bertanding dalam usaha menarik, meyakinkan dan mempengaruhi mereka memberi sokongan.

Kajian Terdahulu

Kajian terdahulu berkaitan PRU13 di Malaysia ada dijalankan beberapa sarjana tempatan antaranya Lars Willnat, W. Joann Wong, Ezhar Tamam dan Annette Aw (2013) menjalankan kajian menggunakan kaedah kajian kuantitatif di Kuala Lumpur dan Selangor terhadap 562 responden golongan belia dewasa. Tujuan kajian mereka adalah untuk mendokumen peranan media dalam talian di kalangan masyarakat yang mengawal kandungan maklumat politik dalam media tradisional dan seterusnya mengajak rakyat mencari sumber berita alternatif dalam talian. Penemuan menunjukkan bahawa penggunaan media dalam talian secara positifnya dikaitkan dengan penyertaan dan keberkesanan politik yang lebih tinggi di kalangan pengundi Malaysia semasa pilihanraya umum 2008. Walaupun pendedahan yang dibawa akhbar dan berita radio juga dikaitkan dengan penyertaan politik yang tinggi, penggunaan MS politik menunjukkan kaitan yang signifikan terhadap aktivisme politik. Perkaitan yang paling kukuh ditemui dalam kalangan mereka yang menulis blog politik sekaligus menyokong bukti yang wujud sehingga kini bahawa blogger memainkan peranan yang penting dalam PRU12. Minat dan tumpuan terhadap pilihanraya, diskusi-diskusi politik, dan tingkah laku pengundian di samping dikaitkan dengan pemilihan parti dan perhatian umum terhadap pilihanraya. Secara keseluruhan, penemuan-penemuan ini mengesahkan andaian kajian ini bahawa media dalam talian boleh memainkan peranan politik yang penting dalam kalangan masyarakat tanpa sistem media arus perdana.

James Gomez (2013), mengkaji tentang impak media sosial terhadap PRU13 di Malaysia. PRU13 “pilihan raya media sosial” yang pertama di Malaysia sehingga memberikan kesan kepada landskap politik negara. Sebelum ini, PRU12 (2008)

kandungan dalam talian alternatif menentukan keputusan pilihan raya. Pakatan pembangkang Berjaya menggunakan media baru mengatasi media arus perdana yang dimiliki pertubuhan politik berkepentingan., BN kurang sekali muncul dalam talian dan diperkatakan telah memandang rendah terhadap kesan media baru sama. Kajian ini melihat kesan politik media sosial terhadap tingkah laku pengundi semasa PRU13.

Mohd Azizuddin Mohd Sani (2014) pula mendapati MS penting dalam PRU12 dan PRU13. Kajiannya yang menggunakan kaedah kajian sumber data sekunder lebih tertumpu kepada parti mana yang lebih menguasai MS dalam kedua-dua pilihanraya berkenaan. Beliau mengkaji hubungan antara fenomena yang dibawa MS dengan sistem demokrasi. Kemudian ia meneroka keadaan-keadaan yang disediakan MS dan kesannya di Malaysia. Beliau mendapati parti Pakatan Rakyat (PR) menguasai MS dalam pilihanraya itu. BN berjaya mengekalkan kuasa, tetapi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keupayaan PR untuk mengurangkan atau melemahkan majoriti BN dan memenangi undi popular adalah melalui liputan MS semasa pilihanraya berlangsung. Saluran dalam talian seperti Facebook, Twitter, YouTube, Portal-Portal Berita dan Blog-Blog adalah popular dan menjadi ruang parti BN dan PR berkempen. Ia merupakan alat yang digunakan pemimpin dan calon berhubung atau bertemu dengan pengundi di kawasan terbabit. Kesannya sangat besar kepada parti PR yang dapat menggunakannya sebagai satu kelebihan mereka mendorong PRU13 lebih berdaya saing dan mengukuhkan lagi proses demokrasi di Malaysia.

Mohd Hafiz Mansor, Abd Rahim Romle, Siti Nur Illani Abd Hamid (2015) menjalankan kajian terhadap pengundi dalam golongan belia di Kedah yang terbabit dalam politik. Melalui penyertaan dalam arena politik, belia akan didedahkan dengan pengurusan dan kemahiran kepimpinan. Penglibatan belia dalam politik di Malaysia mendapat perhatian khusus dan dibahaskan di negara-negara maju. Ia memberi kesan kepada politik dan pilihan raya. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat pola dan tingkah laku mengundi belia dalam pilihan raya di Malaysia.

Chang Peng Kee, Ali Salman, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Tham Jen Sern (2016) menjalankan kajian menggunakan kaedah Kualitatif dan Kuantitatif di Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Kota Bahru dan Terengganu terutama di kawasan pengundi Cina di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Tujuan kajian mereka adalah untuk meneroka pola dan tujuan penggunaan media, meneroka faktor dan isu tertentu yang di interpretasi bercanggah dengan kerajaan, mengenal pasti cara untuk mencapai persefahaman dengan kumpulan etnik Cina, serta menghurai dan menerangkan hubungan kait penggunaan media, interpretasi isu dan penglibatan aktivisme. Kajian ini turut menerokai pandangan pengundi Cina di Semenanjung Malaysia tentang jenis media yang digunakan, jenis isu yang dibincangkan dan kerelaan melibatkan diri dalam aktiviti sivik sama ada secara maya ataupun fizikal. Sebanyak 95 informan dari negeri Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Kota Bahru dan Terengganu ditemubual dalam perbincangan kumpulan fokus.

Ali Salman, Normah Mustaffa, Mohd Azul Mohd Salleh, Mohd Nor Shahizan Ali (2016) mengkaji tentang hubungkait antara media sosial dengan impilikasi terhadap agenda politik. Kajian ini menggunakan kaedah kajian sumber data sekunder dan mendapati seseorang tidak perlu mempunyai media tradisional seperti radio, televisyen atau akhbar untuk memahami apa yang berlaku di medan politik di Malaysia hari ini kerana media sosial seperti Facebook dan Twitter telah memberi ruang kepada

pengundi mendapatkan maklumat begitu mudah. Tujuan kajian ini meninjau peranan media sosial sebagai mekanisme menetapkan agenda dalam scenario politik Malaysia. dalam membentuk pendapat awam mengenai perkara politik yang penting.

Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berdasarkan pengumpulan data diperolehi melalui temuduga secara mendalam ke atas 20 responden yang mewakili 20 daripada 58 kampung dalam Daerah Kecil Kampung Gajah yang juga boleh dikenali sebagai DUN Kampung Gajah, berumur antara 25 tahun hingga 40 tahun yang mengandungi 17 responden lelaki dan 3 perempuan yang mempunyai perbezaan latarbelakang pendidikan dan pekerjaan, berumur antara 25 hingga 40 tahun iaitu berumur 25-30 tahun (3 orang), 31-35 tahun (6 orang), 36-40 tahun (11 orang). Latarbelakang responden meri impak kepada tahap pengalaman dan pemikiran yang menyumbangkan kepada pengalaman serta pergaulan masing-masing. Responden memiliki kelulusan peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) seramai seorang, Penilaian Menengah Rendah (PMR) seorang, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 6, Diploma 4 dan Ijazah 8. Pengkaji juga memilih mereka yang mempunyai pengalaman dan pembabitan politik dan pilihanraya antara tiga hingga 10 tahun ke atas termasuk sebagai pemimpin di peringkat cawangan dan bahagian kerana ia boleh membantu dari segi mendapatkan maklumat lebih mendalam. Kedudukan pekerjaan dan perjawatan juga diambil kira bagi menentukan tahap pergaulan mereka dalam masyarakat. Mereka yang bekerja sebagai peniaga (4), buruh (1), petani (2), pegawai (7), guru (2), Kontraktor (3) dan tidak bekerja/suri rumah (1).

Responden ini dipilih berdasarkan umur antara 25 hingga 40 tahun yang tinggal di kawasan kajian kerana mereka adalah golongan belia yang boleh mengundi pada PRU13. Selain itu mereka adalah ahli dan pemimpin Pergerakan Pemuda Umno di peringkat cawangan dan Bahagian Pasir Salak yang bertindak sebagai pengundi dan penggerak jentera parti BN ketika PRU13. Mereka mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun membabitkan diri dalam kegiatan politik parti Umno, BN dan pilihanraya.

Temubual mendalam dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan pandangan responden tentang pengalaman mereka berkaitan dengan penggunaan MS di samping kesannya terhadap pembabitan politik mereka dalam PRU13 lalu dengan mengambil masa antara dua hingga tiga jam. Perbualan itu direkodkan dalam perakam suara yang disediakan dengan menyediakan beberapa soalan terbuka menjurus kepada jawapan yang diperlukan sebagai panduan. Selain menemubual 20 responden belia yang menjadi fokus dalam kajian ini, pengkaji juga menemubual 20 responden lain membabitkan 5 pemimpin Umno/BN dan kerajaan, 12 pemimpin dan bekas pemimpin Umno Bahagian Pasir Salak, seorang pemimpin pembangkang daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) Kebangsaan, seorang pemimpin Pas Bahagian Pasir Salak dan seorang pengetua sekolah menengah menjadikan jumlah keseluruhannya 40 responden.

Temubual turut dilakukan yang membabitkan dua peringkat iaitu di jabatan-jabatan kerajaan dan kawasan kajian. Antara jabatan kerajaan terbabit ialah Pejabat Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Najib

Tun Razak, Pejabat Timbalan Perdana Menteri yang juga Naib Presiden Umno Malaysia, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Pejabat Menteri Besar Perak yang juga Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Perak, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, Pejabat Menteri Komunikasi Dan Multimedia yang juga Bendahari Umno dan bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Mohd Salleh Said Keruak serta Pejabat bekas Menteri Kewangan Kedua yang juga Ahli Parlimen Tambun, bekas Bendahari Umno dan bekas Timbalan Pengerusi Umno Negeri Perak, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah dan pegawai beberapa jabatan di bawah pentadbiran Pejabat Tanah Dan Daerah Kecil Kampung Gajah.

Analisis Data

Semua data yang terkumpul diproses dan dianalisa bagi melihat isu-isu penting yang dibangkitkan dalam temuduga yang dijalankan terhadap responden. Pengkaji menemuduga semula empat responden terpilih untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci bagi menjawab beberapa isu yang ditemui pada peringkat permulaan analisa data. Pengkaji memilih berasaskan latarbelakang pendidikan, pengalaman dan kemahiran menyampaikan maklumat. Tujuan adalah memudahkan pengkaji membaca dan meneliti kandungan maklumat yang diterima daripada responden. Sekiranya terdapat kekeliruan atau fakta kurang jelas, pengkaji akan merujuk kepada pihak tertentu termasuk pemimpin parti BN dan Umno di peringkat bahagian, negeri dan majlis tertinggi selain pihak jabatan kerajaan, pemimpin tempatan serta swasta termasuk Ketua Pengarang Berita Harian Dan Utusan Malaysia. Pengkaji juga menemubual seorang bekas pemimpin kanan PKR dan seorang pemimpin Pas tempatan bagi mendapatkan pandangan mereka sendiri berkaitan penggunaan MS dan perjalanan kempen semasa PRU13 di DUN Kampong Gajah. Kesemua maklumat dalam transkrip dirumus dan diringkaskan dalam bentuk ayat yang difahami pengkaji melalui biodata responden yang dibentuk bagi memudahkan pengkaji melihatnya dengan jelas dan menepati objektif kajian.

Semua maklumat dan fakta diperolehi disusun dan dikategorikan mengikut keperluan jawapan kepada objektif kajian. Setiap maklumat mengikut kategori dikembangkan pengkaji melalui data yang diberikan responden ketika ditemuduga. Berdasarkan maklumat dan data diperolehi pengkaji membuat analisa, hipotesis dan mendapatkan hasil penemuan kajian.

Hasil Kajian

Hasil kajian mendapati MS adalah alat komunikasi penting yang digunakan calon, pengundi dan penggerak jentera parti dalam menghadapi kempen PRU13, penyebar maklumat penting dan dianggap pemudah kerja dalam usaha mempercepatkan proses penyampaiannya kepada pengundi. Selain sebagai pusat dan pengkalan mengumpulkan maklumat ia turut membantu pengundi membuat keputusan pemilihan calon dengan lebih rasional dan bijak. MS membantu mempertingkatkan pengetahuan pengundi baru

dalam pembabitan politik dan pilihanraya di samping memupuk semangat demokrasi terhadap pemilihan kerajaan yang patut memerintah.

Kajian ini turut mendapati golongan belia banyakkannya menggunakan MS sebagai alat komunikasi atas talian ketika berkempen bagi memenangkan calon BN di DUN Kampung Gajah, Perak iaitu Abdullah Fauzi Ahmad Razali. Kebanyakan golongan belia di kawasan berkenaan menggunakan telefon bimbit berjenama Samsung, Apple yang mengandungi aplikasi SMS, Facebook dan YouTube serta membekalkan talian internet kerana ia mudah dikendalikan, mempunyai aplikasi diperlukan dan harganya yang munasabah.

Mengikut rekod PRU13 lalu, undi yang diterima daripada pengundi tinggal di uar kawasan lebih banyak memihak kepada BN berbanding PRU12. Mengikut laporan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada tahun 2008 dalam PRU12, N49 Kampung Gajah, calon BN, Dr. Wan Norashikin Wan Noordin memperoleh undi sebanyak 8,818 manakala calon Pas, Mustafa Shaari mendapat 7,402 undi sekaligus BN menang dengan majoriti 1,416 undi dan ia meningkat kepada 6,100 (PRU13). SPR pada tahun 2013 juga melaporkan, dalam PRU13, N49 Kampung Gajah, calon BN, Abdullah Fauzi Ahmad Razali meraih undi 14,140, manakala calon Pas, Ishak Saari (8,040) sekaligus BN menang dengan majoriti 6,100 undi. Ini dikaitkan dengan peranan MS yang turut menyumbang kepada peningkatan undi kepada calon BN pada PRU13 di kawasan DUN Kampung Gajah terutama membantu menyampaikan banyak maklumat tentang calon BN dan kegiatan kempen kepada mereka.

Peranan MS menyerlah dalam PRU13 di DUN Kampung Gajah kerana ia bertindak sebagai penyebar maklumat penting ketika pilihanraya dijalankan di samping mudah dan mempercepatkan proses penyampaian maklumat kepada pengundi serta calon bertanding selain pusat dan pengkalan mengumpulkan maklumat, membantu pengundi membuat pemilihan calon dengan lebih rasional dan bijak. Ia turut bertindak membekalkan maklumat bagi mempertingkatkan pengetahuan pengundi baru terutamanya golongan muda yang membabitan diri dalam politik dan pilihanraya. Facebook dan Twitter memainkan peranan penting dalam membentuk pendapat awam terutama berkaitan isu-isu politik. Hasil kajian juga mendapati bahawa MS menjadi penyebar maklumat penting ketika pilihanraya dijalan di DUN Kampung Gajah membabitkan maklumat berkaitan calon, parti dan gerak kerja kempen semasa pilihanraya yang dihantar kepada pengundi muda yang tinggal di luar kawasan mengundi. Penggunaan telefon bimbit dalam kalangan generasi muda membantu jentera parti BN menyampaikan maklumat dengan mudah dan cepat.

Kos penggunaan MS lebih murah dan munasabah. Kawalan maklumat dalam MS tidak terlalu ketat berbanding media konvensional. Golongan belia yang sering terpengaruh dan menganggap maklumat yang disampaikan melalui MS sentiasa dianggap benar dan ia merupakan ruang paling sesuai jentera parti menyebarkan maklumat kepada golongan berkenaan. Teks dan gambar yang dihantar kepada pengundi melalui MS seperti SMS, Facebook dan YouTube turut mempunyai sentuhan perasaan yang lebih positif dan mempengaruhi pemikiran mereka.

Ketika kempen PRU13 berlangsung, beberapa isu nasional dan tempatan turut dibangkitkan di DUN Kampung Gajah. Namun begitu, isu terbabit tidak banyak mempengaruhi pendirian pengundi tempatan. Isu nasional dibangkitkan ialah mengenai isu Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), isu kenaikan harga barang dan petrol. Isu ini

biasanya dibangkitkan parti pembangkang yang menuduh kerajaan memberikan BR1M kepada mereka yang tidak layak menerimanya. Isu ini ditolak pengundi tempatan kerana kebanyakan yang menerima BR1M adalah penduduk miskin yang tinggal di luar bandar dan ia tidak menjadi isu yang boleh meragukan mereka.

Isu Tempatan yang dibangkitkan ialah mengenai pemilihan tapak perumahan generasi kedua Rancangan Felcra Cangkat Lada (KFCL) membabitkan beberapa permohonan projek pembangunan awam yang dimajukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) kepada kerajaan yang belum dilulus serta disediakan kerajaan. Generasi kedua KFCL tidak berpuas hati dengan syarat pemberian tapak perumahan di kawasan berkenaan apabila kerajaan seolah-olah memaksa pemilik tanah melantik kontraktor pembinaan yang dicadangkan dengan kos yang dianggap tidak munasabah. Syarat pinjaman bank yang terlalu ketat turut menimbulkan rasa tidak puas hati golongan ini dan menyalahkan kerajaan kerana dikatakan tidak mengambil tindakan terhadap institusi kewangan terbabit. Sehubungan itu, tanah tapak perumahan diberi kepada orang luar yang mampu memenuhi syarat bank dan kebanyakannya bukan anak KFCL atau tempatan Kampung Gajah. Isu pembangunan seperti pembinaan Balai Bomba Dan Penyelamat serta kemudahan pendidikan yang masih tidak dibina walaupun sudah beberapa kali disuarakan sebelumnya. Kedua-dua isu ini dapat diselesaikan secara baik semasa kempen berjalan apabila calon Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berikrar dan berjanji akan menyelesaikannya selepas PRU13.

Perbincangan

Hasil kajian mendapati ada persamaan, perbezaan dan keunikannya kajian ini berdasarkan penemuan pengkaji lain yang dilakukan di tempat lain. Kebanyakan kajian dijalankan mendapati, MS memainkan peranan penting dalam PRU13 dalam kalangan belia di luar bandar mahupun di bandar. Selain MS membantu pengundi memilih calon wakil rakyat, ada faktor lain terbabit di samping mempunyai perbezaan berdasarkan kawasan terutamanya bandar atau luar bandar.

Beberapa dapatan kajian yang dilakukan di tempat lain boleh dirumuskan seperti berikut berdasarkan laporan artikel ditulis pengkaji berkenaan. Mohd Azizuddin Mohd Sani (2014) juga mendapati MS penting dalam PRU12 dan PRU13. Kajiannya yang menggunakan kaedah kajian sumber data sekunder lebih tertumpu kepada parti mana yang lebih menguasai MS dalam kedua-dua pilihanraya berkenaan. Beliau mengkaji hubungan antara fenomena yang dibawa MS dengan sistem demokrasi. Kemudian ia meneroka keadaan-keadaan yang disediakan MS dan kesannya di Malaysia. Beliau mendapati parti Pakatan Rakyat (PR) menguasai MS dalam pilihanraya itu. BN berjaya mengekalkan kuasa, tetapi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada keupayaan PR untuk mengurangkan atau melemahkan majoriti BN dan memenangi undi popular adalah melalui liputan MS semasa pilihanraya berlangsung.

Mohd Azizuddin dalam kajiannya mendapati BN menang dengan majoriti yang sedikit berkurangan berbanding pilihanraya umum pada tahun 2008 dan kalah dalam undi popular kepada Pakatan PR buat kali pertama sejak 1969. Terdapat perubahan yang besar daripada kawasan-kawasan bandar dan pinggir bandar ke arah menyokong

PR. MS adalah penyumbang terbesar seperti yang berlaku pada tahun 2008. Ianya jelas bahawa faktor bandar atau urban banyak menyumbang kepada prestasi PR dan juga BN. Walaupun MS bukan faktor penentu dalam keputusan pilihanraya, namun ianya jelas memainkan peranan penting dalam memberi ruang dan saluran kepada rakyat terutama pengundi berdebat dan melibatkan diri dengan pemimpin politik dan calon dalam pilihanraya.

Kajian beliau menggunakan kaedah kajian terdahulu untuk membuat analisa tentang penggunaan MS dalam PRU12 dan PRU13. Kajian tesis di DUN Kampung Gajah ini adalah berbeza kerana ia menggunakan kaedah kajian mendalam dengan responden belia bagi mengetahui sejauhmana kesannya terhadap keputusan pilihanraya dan pembabitan politik mereka di samping kepentingannya kepada calon, pengundi dan jentera parti yang berkempen.

Nurul Saadatun Nadiah Mohd Ngah dan Ilyas Abdullah (2014) menjalankan kajian menggunakan kaedah kuantitatif terhadap 348 peneroka Felda Chini, Pahang dengan tujuan mengkaji sebab-sebab peneroka berkenaan mengundi sesebuah parti dan faktor-faktor yang mempengaruhi tingkahlaku pengundian mereka. Berdasarkan kajian, antara faktor yang mempengaruhi tingkahlaku peneroka ialah ahu memberi penghargaan kepada kerajaan yang menyediakan mereka pembangunan dari segi kemudahan, penjagaan kesihatan, pendidikan dan lain-lain. Sejak peneroka Felda berkenaan menerima bantuan langsung daripada Kerajaan Persekutuan, mereka berasa terhutang budi secara politik kepada parti pemerintah. Mereka percaya bahawa BN telah banyak menyumbang dalam kehidupan mereka. Identiti etnik dan pencapaian parti juga merupakan sebab utama mereka mengundi satu parti berbanding parti yang lain. Pengaruh Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, keperibadian calon, pengaruh agama dan keluarga juga merupakan faktor-faktor yang boleh dianggap mempengaruhi tingkahlaku pengundian mereka. Sebahagian daripada mereka terlibat dalam politik disebabkan tekanan sosial atau keinginan untuk bersama dengan rakan-rakan. Oleh itu perbincangan politik bersama rakan-rakan dan anggota keluarga juga menyumbang kepada tingkahlaku pengundian. Tiga faktor utama yang mempengaruhi tingkahlaku pengundian peneroka terbabit ialah keperibadian calon, pencapaian parti dan undi mereka mewakili penghargaan terhadap kerajaan.

Terdapat persamaan kajian berkenaan dari segi pemilihan lokasi iaitu di luar bandar tetapi memperolehi penemuan berbeza. Kajian mereka lebih tertumpu kepada mencari faktor-faktor mempengaruhi pengundi di kawasan kajian tanpa membincangkan sama ada MS turut mempengaruhi tingkahlaku pengundian responden terbabit. Manakala kajian tesis ini lebih tertumpu kepada kaitan penggunaan MS terhadap pengundi, calon dan jentera parti di samping melihat juga faktor lain yang mempengaruhi tingkahlaku pengundian mereka. Selain pengaruh MS, faktor lain yang mempengaruhi tingkahlaku pengundi di DUN Kampung Gajah ialah pemilihan calon sesuai, rekod dan sumbangan parti pemerintah, kekuatan jentera parti berkempen, sumbangan kewangan mencukupi bagi membiayai kos kempen, kesetiaan kepada parti dan kelemahan parti pembangkang sendiri.

Chang Peng Kee, Ali Salman, Mohd Azul Mohamad Salleh dan Tham Jen Sern (2016) menjalankan kajian menggunakan kaedah Kualitatif dan Kuantitatif di Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor Bahru, Kota Bahru dan Terengganu terutama di kawasan pengundi Cina di bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Tujuan kajian

mereka adalah untuk meneroka pola dan tujuan penggunaan media, meneroka faktor dan isu tertentu yang di interpretasi bercanggah dengan kerajaan, mengenal pasti cara untuk mencapai persefahaman dengan kumpulan etnik Cina, serta menghurai dan menerang hubung kait penggunaan media, interpretasi isu dan penglibatan aktivisme. Kajian ini turut menerokai pandangan pengundi Cina di Semenanjung Malaysia tentang jenis media yang digunakan, jenis isu yang dibincangkan dan kerelaan melibatkan diri dalam aktiviti sivik sama ada secara maya ataupun fizikal. Golongan muda lebih bergantung kepada MS seperti RFacebook, WhatsApp, WeChat dan lain-lain berbanding golongan tua yang lebih cenderung kepada penggunaan media tradisional seperti suratkhbar, televisyen dan radio. Kajian mereka lebih tertumpu kepada responden di bandar dan pinggir bandar beberapa buah negeri sedangkan kajian tesis ini menyentuh tentang persepsi masyarakat Melayu tentang politik dan pilihanraya yang ada hubungkaitnya dengan penggunaan MS. Mereka juga menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif sedangkan kajian tesis ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian mendalam terhadap responden muda yang terbabit secara langsung dengan politik dan PRU13. Kajian tesis ini membabitkan responden Melayu luar bandar dalam kawasan DUN Kampung Gajah, Perak sahaja. Bagaimanapun, ada persamaan dari segi penggunaan MS dan media konvensional masih berjalan seiring terhadap penggunaannya dalam masyarakat Cina di bandar dan Melayu di kawasan luar bandar.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali dan Muhammad Hazim Abdul Ghani (2014) menjalankan kajian menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap pengundi di Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menganalisis persepsi politik pengundi di Kuala Lumpur seterusnya mempengaruhi pilihan politik mereka dalam PRU13. Kajian ini mencari faktor-faktor yang menyebabkan rakyat menyokong BN. Berdasarkan beberapa kajian terdahulu, kebiasaannya orang Melayu akan memberikan sokongan yang kuat kepada BN pada setiap kali pilihanraya umum diadakan. Sehingga ada kajian yang menyifatkan pilihanraya di Malaysia tidak kompetitif dari segi keputusannya kerana parti yang sama iaitu BN akan menang pada setiap kali pilihanraya tanpa mendapat tentangan yang sengit daripada mana-mana parti. Mereka merasakan adalah wajar sebagai rakyat Malaysia untuk terus menyokong pentadbiran BN kerana dengan dasar dan kepimpinan BN sedia ada menjadikan Malaysia terus membangun dan terkenal di pelusuk dunia. Pemimpin sebelum ini telah banyak menyumbang idea dan tenaga demi membangun dan memajukan negara. Perjuangan untuk kesejahteraan rakyat dan keamanan negara terus menjadi agenda utama.

Secara perbandingannya, kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat beberapa persamaan dari segi penemuan kajian lain sebelumnya yang mengatakan bahawa MS adalah alat komunikasi penting dalam PRU12 dan PRU13. Sungguhpun kajian di kawasan bandar mendapati tingkahlaku pengundi kawasan bandar mungkin dipengaruhi MS dalam menentukan landskap politiknya tetapi tidak ada bukti ditunjukkan secara jelas. Ia sekadar alat komunikasi yang membantu memudahkan penyebaran maklumat kempen yang belum tentu kandungan teks boleh mempengaruhi pemikiran dan pendirian pengundi terbabit. Dalam kajian kes di DUN Kampung Gajah, pengkaji mendapati bahawa MS sekadar menjadi alat berkomunikasi antara calon, jentera gerak kerja parti dan pengundi. Ia dianggap sebagai alat komunikasi yang boleh memudahkan kerja penyebaran maklumat kepada pengundi berkaitan acara kempen

pilihanraya dan latarbelakang calon. Ia bukan alat komunikasi yang boleh mempengaruhi pemikiran pengundi untuk memilih calon bertanding.

Kesimpulan

Berdasarkan penemuan kajian di atas menunjukkan bahawa MS merupakan alat komunikasi penting sepanjang kempen PRU13 di kawasan DUN Kampung Gajah. MS yang menggunakan aplikasi SMS, Facebook dan YouTube digunakan jentera kempen parti BN dan pengundi terutama golongan belia atau pemuda yang berusia 25 hingga 40 tahun. Calon parti BN turut menggunakan MS sebagai alat komunikasi secara langsung atas talian ketika berkempen bagi merapatkan hubungannya dengan pengundi dalam usaha mempengaruhi dan meraih sokongan mereka. Kebanyakan ahli jentera parti BN dan pengundi muda terbabit menggunakan telefon bimbit jenis Samsung, Apple dan Oppo yang membekalkan talian internet mengandungi aplikasi SMS, Facebook dan YouTube. Mereka menggunakan telefon bimbit berkenaan kerana ia mudah dikendalikan, mempunyai aplikasi diperlukan dan harganya yang munasabah membolehkan mereka memilikinya di samping kadar bayaran perkhidmatan bulannya tidak membebankan. MS yang paling popular digunakan sepanjang kempen PRU13 di kawasan DUN Kampung Gajah ketika itu ialah SMS selain Facebook dan YouTube. Ia digunakan bagi menghantar sebarang maklumat tentang peribadi calon kepada pengundi, tarikh dan tempat kempen pilihanraya diadakan di samping mesej penting yang bertujuan mempengaruhi pengundi memilih calon BN menjadi wakil rakyat mereka. Kebanyakan maklumat ini disalurkan kepada pengundi yang berada atau tinggal di luar kawasan DUN Kampung Gajah kerana mereka tidak berpeluang hadir semua program kempen dijalankan. Melalui intraksi dengan pengundi, banyak maklum balas diterima dan pihak pengurusan jentera kempen BN dapat mengetahui pendirian pengundi ketika itu dan ia dikumpul, diproses dan dinilai supaya ia menjadi panduan kepada mereka menerangkan dan menjelaskan isu berbangkit.

Jelas ini menunjukkan bahawa MS turut memainkan peranan penting dalam proses PRU13 di DUN Kampung Gajah. Beberapa implikasi terhasil daripada kajian dibuat apabila banyak pihak mengakui bahawa MS seperti Facebook, SMS dan YouTube memainkan peranan penting kepada calon, ejen parti dan pengundi untuk berintraksi dan berbincang mengenai politik serta pilihanraya dalam talian ketika berlangsungnya PRU13 terutama golongan belia di negara ini. MS dianggap sebagai alat komunikasi paling berkesan membantu penggerak jentera parti menyebarkan maklumat kempen dalam pilihanraya kepada sasaran pengundi terutama yang tinggal di luar kawasan mengundi. Kehadiran MS dapat menyuburkan proses demokrasi di negara ini apabila golongan belia diberi peluang berintraksi dan berbincang mengenai politik dan pilihanraya melalui internet.

Rujukan

- A. Rahim, S. (2010). Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis keputusan pilihan raya umum ke-12. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 26, 1-15. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/1902/>.
- Abd. Latiff, Z. dan Abdul Latiff, N. F. (2014). Malaysia 13th General Election: Young Adult's Perceptions towards Election Commission (EC) on the Manipulation of the Issue of Inedible Ink in Social Networking Sites (SNSs). *Aust. J. Basic & Appl. Sci.*, 8(24), 269-274. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/306065984_Malaysia_13th_General_Election_Young_Adult's_Perceptions_towards_Election_Commission_EC_on_the_Manipulation_of_the_Issue_of_Indelible_Ink_in_Social_Networking_Sites_SNSs.
- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S. dan Abdul Ghani, M. H. (2014). Persepsi Politik dalam Pilihan Raya Umum 2013: Kajian Kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 9(2), 135-161. Retrieved from <http://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11096>.
- Besar, J. A., Fauzi, R., Ghazali, A. S., Abdullah, M. A., Ali, M. dan Mohd Yusof, A. R. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'tsunami politik bandar'. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10, 28-38. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/7837/>.
- Chang, P. K., Salman, A., Mohamad Salleh, M. A. dan Tham, J. S. (2016). *Persepsi Pengundi Cina Tentang Isu Semasa, Penggunaan Media dan Penglibatan Aktiviti Sivik: Satu Kajian di Semenanjung Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gomez, J. (2013). Malaysia's 13th General Election: Social Media and its Political Impact. Retrieved from http://mediamalaysia.net/wp-content/uploads/2013/09/GE13_Social_Media_James_Gomez-090913.pdf.
- Mansor, M. H., Romle, A. R. dan Abd Hamid, S. N. I. (2015). Facing the Dilemmas on Voting Behavior Amongst Youth in Malaysian Election. *Research Journal of Social Sciences*, 8(5), 14-20. Retrieved from <http://www.aensiweb.net/AENSIWEB/rjss/rjss/2015/Special%20IPN%20LAN%20GKAWI/14-20.pdf>.
- Mohd Sani, M. A. (2014). The Social Media Election in Malaysia: The 13th General Election in 2013. *Kajian Malaysia*, 32(2), 123-147. Retrieved from [http://web.usm.my/km/32\(Supp.2\)2014/KM%2032%20Supp.%202_2014-Art.%205%20\(123-147\).pdf](http://web.usm.my/km/32(Supp.2)2014/KM%2032%20Supp.%202_2014-Art.%205%20(123-147).pdf).
- Saahar @ Saabar, S. (2014). A Survey on Young Voters Trust Towards the Campaign of Janji Ditepati Before 13th General Election. In *The International Conference on Communication and Media 2014 (i-COME'14)*, 18-20 October 2014, Langkawi, Malaysia, 442-447. <http://dx.doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.319>.
- Salman, A., Mustafa, N., Mohd Salleh, M. A. dan Ali, M. N. S. (2016). Social Media and Agenda Setting: Implications on Political Agenda. *Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 607-623. Retrieved from https://www.researchgate.net/profile/Normah_Mustaffa/publication/305391627_Social_media_and_agenda_setting_Implications_on_political_agenda/links/578ca2e108ae254b1de8440c/Social-media-and-agenda-setting-Implications-on-political-agenda.pdf.

- Sern, T. J. dan Zanuddin, H. (2014). Malaysia's 13th General Election: Political Communication and Public Agenda in Social Media. *Asian Journal for Public Opinion Research*, 1(2), 73-89. Retrieved from http://ajpor.org/contents/2.%20Malaysia_doi.pdf.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2008). *Keputusan Rasmi Pilihan Raya Umum ke-12 – Keputusan Pilihan Raya Umum Dewan Undangan Negeri Perak Bagi Tahun 2008*. Retrieved from http://semak.spr.gov.my/spr/laporan/5_KedudukanAkhir.php.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (2013). *Keputusan PRU ke-13*. Retrieved from <http://www.spr.gov.my/>.
- Teik, K. B. (2013). *13th General Election in Malaysia: Issues, Outcomes and Implications*. Retrieved from http://www.ide.go.jp/library/Japanese/Publish/Download/Kidou/pdf/2013_malaysia_03.pdf.
- Willnat, L., Wong, W. J., Tamam, E. dan Aw, A. (2013). Online media and political participation: The case of Malaysia. *Journal of Mass Communication and Society*, 16(4), 557-585. Retrieved from <http://www.tandfonline.com/doi/abs/10.1080/15205436.2012.734891>.